

TPM Sasar Dana RM1 Juta Daripada Lebih 10 Pelabur Budiman Swasta Menjelang Akhir Tahun
Bernama
18 June, 2013

PUTRAJAYA, 18 Jun (Bernama) -- Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd menyasar untuk memperoleh dana pembiayaan sebanyak RM1 juta daripada lebih 10 pelabur budiman swasta menjelang akhir tahun.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Mohd Azman Shahidin berkata TPM berjaya memperoleh seorang pelabur budiman sehingga hari ini.

"Bagi memastikan kami mencapai sasaran ini, kami akan mempunyai lebih banyak program susulan dan padanan perniagaan lebih kecil antara pelabur budiman dan syarikat," kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran TPM Angel Chapter hari ini.

Azman berkata sektor-sektor yang menjadi tumpuan bagi pelabur budiman untuk melabur ialah teknologi maklumat, kejuruteraan maju dan biosains.

"Kami akan melaksanakan dua sesi padanan, masing-masing pada Julai dan Oktober.

"Kami akan menampilkan antara enam hingga 12 syarikat yang boleh dilabur untuk dilihat pelabur budiman dan jika mereka berminat, mereka boleh melabur dalam syarikat-syarikat itu," katanya.

Azman berkata TPM telah mengenal pasti lebih 70 individu kaya dan yang berpendapatan tinggi yang dapat mengumpul sumber, pengalaman pelaburan dan pengetahuan industri untuk menyokong syarikat yang bakal bermula dengan projek berdaya maju dan rancangan perniagaan yang baik.

"Kami yakin pembentukan TPM Angel Chapter akan membolehkan pelabur budiman ini meraih manfaat pengurangan cukai sehingga RM500,000 setahun selepas dua tahun pembiayaan ekuiti daripada Insentif Cukai Budiman yang diumumkan pada Bajet 2013," katanya.

TPM Angel Chapter merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Pusat Inkubasi Inovasi TPM untuk menggalakkan pelaburan keusahawanan bagi syarikat baru bermula dalam negara.

Objektif utamanya untuk memajukan keusahawanan dengan menyediakan sumber alternatif pembiayaan kepada lebih 100 peserta inkubator TPM dan yang lain dalam kalangan 102 inkubator seluruh negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=957022>